

TVET perkasa modal insan, pacu ekonomi

Muhammad Syabil Suhail Mohd Nasir,
Kuala Nerang,
Kedah

Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) sebenarnya perlu dipandang tinggi oleh masyarakat.

TVET bukan sahaja memberi tumpuan kepada akademik, bahkan melengkapkan pelajar dengan kemahiran praktikal diperlukan industri.

Malah, ia menjadi pelengkap kepada usaha pembangunan ekonomi negara, terutama dalam era Revolusi Industri 4.0 (IR4.0).

Dengan perkembangan teknologi semakin pesat, tenaga kerja mahir dalam bidang teknikal semakin diperlukan.

TVET sebenarnya dapat meningkatkan kebolehpasaran dan keterampilan pelajar yang bukan hanya menguasai teori, bahkan dibekalkan latihan amali membolehkan mereka mendapatkan kemahiran langsung.

Tidak hairanlah, lepās TVET lebih mudah diterima majikan berbanding siswazah akademik umum.

Dalam hal ini, TVET dapat mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan belia. Pendidikan akademik tradisional kadangkala sukar menyediakan kemahiran praktikal untuk suatu pekerjaan.

Peluang siswazah TVET masih cerah kerana kemahiran mereka sesuai dengan permintaan pasaran yang sentiasa bertambah dari semasa ke semasa.

TVET juga menjadi peluang kedua kepada pelajar kerana tidak semua mempunyai kebolehan

“TVET adalah elemen penting dalam sistem pendidikan moden kerana memberi fokus kepada pembangunan tenaga kerja berkemahiran tinggi”

dalam bidang akademik.

Sebenarnya, negara maju amat bergantung kepada tenaga kerja mahir untuk memacu ekonomi. Dalam hal ini, TVET menyediakan laluan kepada tenaga kerja berkemahiran tinggi, sekali gus menyokong sektor industri penting.

Tawar kursus TVET di universiti

Oleh itu, institusi pengajian tinggi (IPT) menawarkan program TVET penting untuk memenuhi keperluan tenaga kerja mahir.

Universiti awam (UA) yang menawarkan program TVET antaranya Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Malaysia Pa-

hang Al-Sultan Abdullah (UMPSA), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Program TVET direka untuk memastikan pelajar mempunyai pengetahuan teknikal, pengalaman praktikal dan kemahiran aplikasi teknologi terkini.

Dengan perkembangan teknologi seperti automasi, kecerdasan buatan (AI) dan internet benda (IoT), TVET menjadi platform utama melahirkan tenaga kerja yang mampu mengendalikan teknologi ini.

Contohnya, bidang teknologi maklumat (IT), kejuruteraan, reka bentuk produk dan pengurusan perkilangan menjadi tumpuan utama dalam program TVET.

Kesimpulannya, TVET adalah elemen penting dalam sistem pendidikan moden kerana memberi fokus kepada pembangunan tenaga kerja berkemahiran tinggi.

Dengan menyediakan kemahiran teknikal, meningkatkan kebolehpasaran pelajar dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi, TVET menjadi tonggak kepada pembangunan negara.

Usaha bersama semua amat diperlukan untuk memperkasakan TVET sebagai laluan pendidikan utama dan disanjung.

Melalui langkah ini, Malaysia dapat mencapai matlamat menjadi negara maju berasaskan modal insan berkualiti.